

08 JAN 2002

Banjir-Johor

BANJIR DI JOHOR KORBAN LIMA NYAWA, MUSNAHKAN HARTA BENDA RM13.7 JUTA

PONTIAN, 8 Jan (Bernama) -- Banjir besar di enam daerah di Johor baru-baru ini selain mengorbankan lima nyawa, turut memusnahkan harta benda berjumlah RM13.7 juta.

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Ayob Mion berkata harta benda yang musnah itu, yang telah dibanci setakat ini paling banyak ialah tanaman berjumlah lebih RM7.5 juta, termasuk di sebuah ladang seluas lebih 400 hektar di Kota Tinggi.

"Kerosakan lain ialah jambatan dan jalan raya RM3 juta, klinik dan pusat kesihatan desa RM1.1 juta, sekolah RM603,000, hutan RM836,000, ternakan RM137,405 dan tanah rancangan Felda lebih RM463,000," katanya dalam taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Ayob memberikan taklimat itu di Pulau Spring Resort, dekat sini, sempena lawatan kerja Perdana Menteri yang meninjau sendiri kesan banjir lumpur dan tanah runtuh di kaki Gunung Pulai yang mengorbankan lima nyawa itu dan memusnahkan empat buah rumah penduduk.

Menurutnya, banjir besar itu yang berpunca daripada ribut tropika "Vamei" yang berpusat di selatan Semenanjung, merupakan fenomena luar biasa kerana Malaysia berada di luar kawasan ribut tropika.

Menurut Ayob berikutan hujan lebat sejak 23 Dis, ditambah pula dengan kesan ribut itu, banjir besar berlaku di Johor Baharu dan Pontian manakala banjir sederhana berlaku di Kluang, Batu Pahat, Kota Tinggi dan sedikit di Mersing.

Katanya, pada 27 Dis bacaan paras hujan melebihi kadar purata bulanan biasa 70mm apabila mencecah 287mm di Ulu Tiram, 241mm di Masai di Johor Baharu dan 223mm di Kota Tinggi.

"Air laut yang pasang pula berlaku beberapa kali di semua lembangan sungai di kawasan-kawasan terlibat dan mengambil masa sehingga 72 jam untuk surut, telah mengakibatkan sungai tidak dapat menampung jumlah air yang banyak dan mengakibatkan banjir itu," katanya.

Pada kemuncak banjir itu, sebanyak 13,195 orang telah dipindahkan ke 69 buah pusat pemindahan di seluruh daerah terlibat, katanya, dan menambah bahawa keadaan air sungai-sungai yang melepasi paras bahaya itu tidak dijangkakan kerana pemeriksaan sebelum itu mendapat parasnya biasa.

Katanya, setakat ini 3,880 murid sekolah yang terjejas akibat banjir telah diberikan bantuan pada kadar RM180 seorang bagi murid sekolah rendah dan RM220 seorang bagi murid sekolah menengah selain bantuan jangka panjang maksimum RM5,000 sekeluarga dalam bentuk makanan, pakaian dan pembaikan rumah.

Ayob berkata Kerajaan Johor menjangkakan sejumlah RM20.4 juta diperlukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk projek-projek mengatasi masalah banjir khususnya bagi Lembangan Masai, Sungai Tiram, Sungai Tebrau, Sungai Ulu Pulai, Sungai Pulai, Sungai Air Hitam dan Sungai Benut.

-- BERNAMA

MNY ZB